

Raja Masittah Raja Ariffin

## PENDETA ZA'BA (1895-1973)

"Buah setangkai rosak di batang  
Petik yang ranum petangnya hari  
Buat yang kekal diguna orang  
Nama yang harum datang sendiri"

(*Dewan Masyarakat*, November 1973:1)

PANTUN di atas dicipta sendiri oleh Za'ba seorang pendeta yang telah memberi pelita kepada bahasa dan kesusasteraan Melayu, pelita yang sentiasa menyala dengan keharuman namanya sebagai seorang yang berjaya.

Sumbangan Za'ba banyak sekali, sehinggalah kehilangan Za'ba adalah kehilangan sebutir bintang yang selama ini telah menerangi persada tanahairnya. Menurut Profesor Diraja Ungku Aziz (Naib Canselor Universiti Malaya ketika itu): "kehilangan Allahyarham tiada ganti kerana segala yang ada padanya adalah unik. Allahyarham betul-betul seorang akademis yang ikut resmi padi, makin berisi makin berbudi."

Za'ba atau nama sebenarnya Zainal Abidin bin Ahmad, dilahirkan pada tahun 1895. Bapanya daripada keturunan Bugis sementara ibunya berdarah Minangkabau. Walaupun pada zamannya, tidak ada kemudahan pendidikan secara formal di kampung tempat tumpah darahnya, Bukit Kerdas di Batu Kikir, Luak Jempol, Negeri Sembilan tetapi dengan usaha bapanya, Za'ba menerima pelajaran awalnya di rumah sendiri, sehinggalah berumur 12 tahun. Pelajaran utamanya ialah mengaji Quran, pendidikan asas yang mesti

ditanamkan di jiwa setiap insan Islam, diikuti oleh hukum-hukum agama dan bahasa Melayu serta kaedah-kaedahnya.

Pada tahun 1907-1909 beliau mula ke sekolah Melayu di Batu Kikir (baru dibuka pada tahun 1907) dalam darjah tiga kerana pengalaman yang diperoleh di rumah menyebabkan beliau mendahului pelajar-pelajar lain yang sebaya dengannya. Apabila bapanya berpindah ke kampung Linggi, sebelum akhir tahun 1907, Za'ba turut berpindah bersama-sama. Walaupun bersekolah di sekolah Melayu, Za'ba tidak ketinggalan mengaji agama dengan penekanan kepada pelajaran menghafal, kaedah-kaedah nahu Arab sehinggalah pada tahun 1909. Begitulah usaha bapanya mendidik Za'ba dalam bidang agama kerana memang niatnya untuk menjadikan Za'ba seorang yang alim dalam perkara-perkara agama dan beliau bercita-cita untuk menghantar anaknya menuntut ke Mekah atau ke Mesir.

Setelah lulus darjah enam sekolah Melayu, Za'ba benar-benar tertarik dengan bahasa dan persuratan Melayu. Hal ini dapat dilihat melalui pembacaannya tentang buku-buku cerita dan hikayat-hikayat Melayu (*Majalah Guru*, 1947:25). Keazamannya untuk menulis se-

buah buku nahu Melayu telah mula muncul sejak berumur 12 tahun lagi. Ketika mempelajari bahasa Arab khususnya tatabahasanya, terlintas pula dalam pemikirannya mengapa orang Melayu tidak menulis nahunya sendiri? (Berita Minggu, 17 Jun 1973). Di sinilah titik tolaknya Za'ba menyimpan keazamannya untuk menghasilkan sebuah nahu Melayu apabila sampai waktunya nanti.

Suatu peristiwa pernah terjadi pada diri Za'ba sehinggakan beliau begitu berminat mempelajari tatabahasa bahasa Inggeris. Pada suatu ketika beliau amat berdukacita, terasa sangat jahilnya kerana tidak dapat memahami makna-makna yang tertulis dalam bahasa Inggeris yang tertera pada kertas-kertas pembungkus (Majalah Guru, 1947:26). Menyedari hakikat inilah, tanpa mengendahkan hajat bapanya, Za'ba telah mendaftarkan diri di sekolah Inggeris, St. Paul, Seremban (iaitu sebuah sekolah Inggeris yang dikelolakan oleh paderi-paderi Kristian) pada tahun 1909. Berkat ketekunan dan keazamannya, akhirnya pada Disember 1915, beliau telah berjaya dalam peperiksaan Senior Cambridge dan merupakan anak Melayu yang pertama di Negeri Sembilan yang mempunyai kelulusan sedemikian. Kerana ketegasan dan kefasihan serta kemampuannya menguasai bahasa Inggeris dengan baik, Za'ba digelar 'Shakespeare' di kalangan rakan sepengajiannya.

Pada tahun 1916, dengan kelulusan yang cemerlang, Za'ba telah dipilih menjadi guru bahasa Inggeris di English College, Johor Bharu, namun beliau terus mengkaji dan meneliti bahasa Arab. Apabila telah berkebolehan dan berkemampuan berbahasa Inggeris dan membaca serta memahami tulisan-tulisan dalam bahasa Inggeris, maka banyakkah pula bahan-bahan bacaan dalam bahasa Inggeris yang dapat dimanfaatkan, khususnya buku-buku yang di dalamnya termuat maklumat tentang bangsa dan bahasa Melayu. Dengan gagasan yang terkumpul, Za'ba tidak melepaskan peluangnya menulis di akhbar-akhbar Melayu tentang bahasa dan persuratan Melayu seperti nahu, syair dan sebagainya. Rencana pertama yang dihasilkan oleh Za'ba berjudul "Mandi Safar" (1916) iaitu temasya di Tanjung Keling, Melaka dan telah tersiar

sebanyak tiga kali di akhbar *Lembaga Budi* di Singapura.

Pada tahun 1918-1923, Za'ba menjadi guru bahasa Melayu dan penterjemah di Maktab Melayu, Kuala Kangsar. Walaupun beliau masih meneruskan kajiannya tentang tatabahasa bahasa Arab dan penulisannya di akhbar Melayu tentang persuratan Melayu, masyarakat dan agama tetapi ketika berada di sinilah juga, penulisan ilmiahnya mulai beralih ke akhbar-akhbar bahasa Inggeris dan kepada jurnal *Royal Asiatic Society*, cawangan Malaya yang menyiarkan tulisan tentang adat resam orang-orang Melayu, bahasa Melayu, kepercayaan dan sebagainya. Makalah pertama yang dihasilkan di dalam jurnal ini berjudul "The Akuan or spirit friends" pada tahun 1922. Dalam tahun yang sama, sebuah lagi makalah beliau yang terhasil ialah "The Gravestone of Sultan Mansur Shah of Malacca". Tidak cukup dengan akhbar dan majalah Inggeris, Za'ba menulis tentang Islam juga untuk majalah-majalah Islam di Singapura, India dan London (Majalah Guru, 1947:26). Melalui karya-karyanya, beliau terkenal sebagai seorang sarjana di dalam dan di luar negara. Pada tahun 1921, Za'ba telah lulus dalam peperiksaan 'Government Normal Class' yang perlu diambil oleh guru-guru sekolah Inggeris.

Pada bulan Mei 1923 sehingga 1924, Za'ba telah dilantik secara rasmi menjadi Penterjemah Bahasa Melayu di Jabatan Pelajaran Tanah Melayu di Kuala Lumpur, yang ditugaskan untuk membantu menyediakan dan menyelenggarakan buku-buku bacaan tambahan dan buku teks untuk kegunaan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah Melayu di seluruh Tanah Melayu ketika itu. Pada tahun berikutnya sehinggalah tahun 1939, Za'ba menjadi Ketua Penterjemah Bahasa Melayu dan guru bahasa dan kesusasteraan Melayu dan Pengerusi Majlis Bahasa di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) di Tanjung Malim. Di sinilah beliau banyak menimba ilmu dan melalui pengalamannya juga, beliau terus menulis dan menghasilkan buku ilmu Bahasa Melayu.

Sebuah buku lagi yang dapat dihasilkan beliau pada tahun 1934-1936 ialah *Pelita Bahasa Melayu* yang mengandungi kaedah-kaedah

dah ejaan Melayu dan pada tahun 1940, terbit pula *Ilmu Mengarang Melayu*. Beliau berpuas hati dengan kedua-dua penerbitan ini dan berpendapat bahawa bahagian-bahagian gaya bahasa dan karangan, sinonim, simpulan bahasa, peribahasa, belum pernah diatur lagi kaedahnya bagi bahasa Melayu pada masa dahulu. Buku-buku yang dihasilkan oleh Za'ba bersandar pada buku-buku Inggeris dan Arab sahaja sebagai panduan dan sumber lain ialah buku dalam bahasa Melayu, iaitu *Pemimpin Johor* karya Mohd. Ibrahim Munsyi, terbitan tahun 1878; dan *Pemuturan Bahasa Melayu* (1917), karya Dato' Abdullah bin Dato' Abdul Rahman, bekas yang Dipertua Jabatan Agama Johor. Za'ba menyedari bahawa karya-karyanya berdasarkan sumber-sumber yang lama penerbitannya dan oleh itu harus diperbaiki dan dikemaskini menurut masa dan zaman. Beliau pernah mencatatkan (*Mingguan Malaysia*, 30 Ogos 1970) bahawa:

"Bahasa Melayu sekarang sudah jauh lebih maju dan jauh lebih moden dari bahasa Melayu yang dahulu, yang dianggap tradisional itu, kerana itu tatabahasa yang dipakai di dalam buku saya itu perlu dirobohkan dan diperbaiki semula."

Apabila memperkatakan perjuangan dalam bahasa dan sastera, Za'ba menyifatkan dirinya umpama "setitik air di laut luas... malah beberapa daripada hasil karyanya sudah tidak laku dan sesuai untuk dipakai pada zaman ini" (*Mastika*, 1962:4).

Dari bulan September 1939, Za'ba dipinjamkan ke Jabatan Penerangan di Singapura untuk menyediakan berita dan yang berkaitan di samping bertugas menyelenggarakan buku-buku pelajaran tentang pendidikan Melayu di Pejabat Besar Pelajaran Tanah Melayu di Singapura sehingga Februari 1942, apabila Singapura dijajah oleh Jepun. Pada bulan Mac 1942, pihak pemerintah Jepun telah memilih Za'ba untuk bekerja di Bahagian Pemancar Radio Singapura yang dikenal sebagai 'syonan' dan penyunting berita bahasa Inggeris untuk diterjemahkan ke dalam berbagai-bagai bahasa. Kerana kemahirannya dalam bahasa Melayu dan Inggeris ditambah dengan pengalaman yang luas, Za'ba telah dijemput oleh Pemerintah Jepun di Tanah

Melayu untuk bekerja sebagai pengarang buku-buku sekolah menurut cara Jepun di Pejabat Pelajaran dan Agama (Bunkyo-ka) sehingga bulan Februari 1943.

Pada bulan Julai 1945, Za'ba berhenti bekerja dengan Jepun dan kembali semula ke Kuala Lumpur, dan pada bulan September, tahun yang sama, Za'ba dipanggil bekerja dengan pemerintahan tentera Inggeris (B.M.A.) di Kuala Lumpur sebagai penterjemah Bahasa Melayu, bertempat di bangunan Mahkamah Tinggi dan kemudian Pejabat Perhubungan Raya, di Kuala Lumpur. Pada 3 Mac 1946, apabila UMNO ditubuhkan, Za'ba telah dipilih sebagai Setiausaha yang pertama tetapi beliau mengundurkan diri daripada arena politik atas sebab-sebab kesihatan. Sebagai pengasas UMNO, Za'ba telah menyampaikan amanatnya supaya orang-orang Melayu terus menyokong UMNO yang dianggapnya sebagai "dahan tempat bergantung", parti tunggal yang dapat membela nasib orang-orang Melayu (*Utusan Melayu*, 30 April 1971). Penglibatan beliau dalam politik pada tahun 1946 ini adalah untuk menentang gagasan Inggeris untuk menubuhkan 'Malayan Union'.

Pada bulan Ogos 1946, Za'ba bekerja semula di Jabatan Besar Pelajaran Tanah Melayu sebagai penterjemah Bahasa Melayu Kanan sehinggalah beliau ke England sebagai pendeta Bahasa Melayu. Melalui Pejabat Pelajaran, Za'ba telah menghasilkan buku-buku tentang bahasa dan persuratan Melayu (dalam bahasa Melayu), khususnya tentang nahu, karangan, perumpamaan, bidalan, syair, surat-menyurat dan lain-lain. Buku yang paling penting yang dihasilkannya ialah *Ilmu Mengarang Melayu* yang dapat dijadikan panduan dan pegangan oleh anak-anak Melayu yang ingin menjadi pengarang dalam bahasa Melayu.

Pengalaman tidak dapat dijualbeli, ilmu di dada perlu disebarluaskan, maka itu, pada bulan September tahun 1947, Za'ba telah dihantar ke London untuk bertugas sebagai pensyarah bahasa Melayu, di School of Oriental and African Studies (SOAS) di Universiti London. Di sana, beliau mengambil kesempatan ini untuk mengikuti kursus pelajaran

bahasa Belanda, Arab dan bahasa-bahasa Eropah yang lain. Hasilnya Za'ba berjaya mendapat diploma dalam bahasa Arab dari SOAS. Selama 3 tahun berada di England, Za'ba berpeluang melawat Ireland dan sebahagian besar negara-negara di Eropah, dari Sepanyol hinggalah ke Finland. Beliau kembali semula ke tanahair pada tahun 1950, berkesempatan pula melawat Mesir dan negara-negara Arab, Madinah serta menunaikan fardu haji. Apabila sampai ke perbatasan umur yang telah ditetapkan, Za'ba bersara pada bulan September 1950. Namun, pada April tahun 1953, beliau dilantik sebagai Pensyarah Kanan Universiti Malaya di Singapura dan kemudian menjadi Ketua Jabatan Pengajian Melayu di universiti tersebut. Pada Jun 1953, Za'ba sekali lagi lulus ujian bahasa Melayu dan Arab (yang diambilnya secara external) dengan mendapat ijazah pangkat kedua. Pada bulan berikutnya, beliau telah melawat beberapa buah universiti dan institusi pengajian Oriental di Colombia, Yale, Pennsylvania, Preston, Harvard, Ann Arbor, Chicago, Ohio dan beberapa buah universiti yang lain. Di samping menghadiri ceramah, misalnya tentang 'kebudayaan Islam' di Preston dan di Washington, Za'ba turut memberikan sumbangan pendapat dan menyampaikan ceramah-ceramah di Universiti Manila, Filipina, Honolulu dan Universiti Wasida, Tokyo, Jepun.

Pada tahun 1953, Za'ba telah memperoleh ijazah pertama (B.A. Hons.) dalam bidang bahasa Melayu dan Arab dari Universiti London. Pada 3 Disember 1955, Za'ba yang ketika itu menjadi Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya telah menyampaikan ceramah yang berjudul *Development of Malay Studies* di Radio Malaya. Pada Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga yang diadakan pada tahun 1956 di Johor Bahru, Za'ba yang dianggap sebagai orang yang pertama mengangkat darjat bahasa Melayu melalui kajiannya yang sistematik terhadap bahasa Melayu telah dianugerahi gelaran "Pendeta" yang telah banyak berjasa kepada bahasa dan persuratan Melayu. Sejak tahun 1953 hingga 1956, beliau menjadi pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya di Singapura dan pada tahun 1957 beliau berpindah semula ke Kuala Lumpur.

Pada 12 September 1959, Pendeta Za'ba menerima Ijazah Doktor Kehormat Persuratan yang pertama dari Universiti Malaya daripada Sir Malcolm Mac Donald, Canselor Universiti Malaya ketika itu, atas jasa dan baktinya yang luar biasa dalam usaha mengangkat taraf bahasa dan persuratan Melayu. Za'ba pernah memegang jawatan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka ketika Pengarah DBP ketika itu, Tuan Syed Nasir bin Ismail berkunjung ke Amerika selama tiga bulan, mulai Mei - Julai 1960. Pada tahun 1962, Za'ba dilantik sebagai Naib Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka dan ketika inilah beliau menzahirkan pendapat bahawa bahasa kebangsaan memang sudah dapat digunakan sepenuhnya di semua jabatan kerajaan tanpa menunggu tahun 1967 lagi (Berita Harian, 7 Jun 1962) dan sekiranya terdapat kelemahan dan kekurangan pada bahasa Melayu, maka masalah ini haruslah diatasi segera. Pada tahun 1966, Za'ba telah mengetuai rombongan Panitia Persekutuan Tanah Melayu ke Indonesia bagi penyatuan ejaan Bahasa Melayu - Bahasa Indonesia.

Pada 16 Oktober 1965, secara rasmi, Za'ba telah menyerahkan koleksi bukunya kepada Perpustakaan Universiti Malaya, melalui Profesor R.L. Huang (selaku Pemangku Naib Canselor ketika itu) dalam satu upacara di rumah kediamannya di Petaling Jaya. Beliau pernah menyatakan bahawa, "saya sayangkan buku-buku ini tetapi lebih baik diberikan kepada universiti kerana buku ini dapat dikaji dan dipelajari" (Utusan Melayu, 13 Jun 1973). Beliau menyerahkan wang sebanyak \$10,000 juga kepada Universiti Malaya untuk dijadikan biasiswa yang bernilai \$500.00 setahun yang diberi nama Biasiswa Penyelidikan Za'ba (Za'ba Research Fellowship). Biasiswa ini terbuka kepada Siswazah Sarjana Sastera dalam jurusan Pengajian Melayu dan Pengajian Islam. Koleksi yang terdiri daripada 3,179 buah buku ini dipindahkan sepenuhnya ke Perpustakaan Universiti Malaya pada tahun 1974 (setelah beliau meninggal dunia) untuk didokumentasikan dengan penghasilan sebuah buku yang berjudul *Koleksi Za'ba*. Di samping itu, beliau telah menyumbangkan \$15,000 kepada Maktab Pergu-



guna dari hal beberapa pihak latihan perangai dan budi pekerti yang dimaksudkan daripada ajaran-ajaran agama Islam. Kuala Lumpur:

H.M. Shah Enterprise (kumpulan ceramah di radio).

- *Anak Raja dengan Anak Papa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (terjemahan daripada buku Inggeris *The Prince and the Pauper* karangan Mark Twain). Buku ini lambang kemajuan bahasa dan kesusasteraan Melayu.

1960-1962 - *Persuratan Melayu*; diasaskan susunan buku ini daripada kumpulan karangan Pendeta Dr. Haji Za'ba yang tersiar dalam majalah *Qalam* dari tahun 1951 hingga 1954, disertai dengan pandangan, ulasan dan keterangan. Disusun oleh A.H. Idrus. Singapura: Qalam.

1961 - *Tawarikh Tanah Melayu* (terjemahan daripada karya Winstedt, 1922 dan diterbitkan semula dengan judul *Sejarah Ringkas Tanah Melayu*. Singapura: Pustaka Melayu).

1962 - *Ilmu Mengarang Melayu*; bagi kegunaan guru-guru dan murid-murid darjah tinggi di Sekolah Menengah dan penuntut-penuntut di Maktab Latihan Guru).

Cetakan ke-2 (Rumi) diterbitkan di Kuala Lumpur oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan cetakan ke-3 (Rumi) diterbitkan pada tahun 1965 oleh penerbit yang sama).

1963-1964 - *Kalong Bunga (1 & 2); pilihan dan petikan dari rangkap-rangkap puisi Melayu cara lama*.

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Siri Sastera bil. 12).

*Kalong Bunga* merupakan buku terakhir karangan beliau. Sebenarnya banyak lagi karya asal dan terjemahan yang tidak selesai dan tidak diterbitkan kerana keuzurannya. "Syair Za'ba" (yang mengandungi 200 halaman) misalnya, merupakan karya beliau yang belum lagi dicetak dan belum sempat dibukukan lagi tetapi telah dihadiahkan kepada Perpustakaan Universiti Malaya.

## KESIMPULAN

KECEKALAN hati Za'ba ketika muda, ketabahan hatinya ketika tua, dan kesungguhannya sewaktu bekerja telah menjadikan Za'ba seorang yang mencapai kehidupan yang berbahagia. Selain itu, beliau telah mencapai ilmu pengetahuan yang tinggi serta pengertian yang mendalam tentang manusia, tentang hidup serta hubungan manusia dengan alam sekeliling dan alam kesucian di hadapan Allah yang maha esa.

Falsafah hidupnya, iaitu "Percubaan membawa kepada kejayaan" yang kerap disebut-sebut oleh Za'ba kepada murid-murid dan pengikut-pengikutnya telah membuktikan kebenaran yang tersembunyi di dalam pepatah orang Melayu,

'berakit-rakit ke hulu,  
berenang-renang ketepian,  
bersakit-sakit dahulu,  
bersenang-senang kemudian'

Kebenaran hakikat ini dibuktikan oleh Za'ba dengan memperlihatkan bahawa walaupun usianya telah lanjut, beliau masih tetap tidak berhenti-henti mengarang dan menyelenggarakan buku untuk kemajuan bahasa Melayu khasnya dan untuk memupuk semangat dan kesucian rohani anak-anak bangsanya. Za'ba pernah memberitau temannya bahawa beliau memohon agar Allah melanjutkan usianya sehingga segala perkara yang bersangkutan paut dengan permasalahan bahasa Melayu yang diusahakan selama hayatnya dapat ditulis walaupun tidak sempat diterbitkan. Menurutnyalah lagi (Majalah Guru, 1947:28) beliau "berhajat membuat dan menerbitkan *Kamus Melayu* yang sehabis-habis besar." Selain itu, beliau bercita-cita juga hendak membuat huruf trengkas dengan huruf

Jawi, dan satu peraturan tentang kaedah-kaedah ejaan Jawi yang standard.

Sumbangan Pendeta Za'ba yang diberikan selama hidupnya amatlah berharga di samping mencabar generasi muda untuk menyambung dan memperkemaskini usahanya itu. Sebagai mengenang jasa beliau, sebuah buku yang berjudul *Bingkisan Kenangan Untuk Pendeta* susunan M. Taib Osman dan Hamdan Hassan telah diterbitkan oleh DBP. Buku ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu *kebudayaan* (kepercayaan, kemasyarakatan, adat dan pemikiran orang-orang Melayu); *kesusasteraan* (penerimaan orang-orang Melayu terhadap kesusasteraan dan lain-lain); dan *bahasa* (taraf bahasa Melayu kini).

Za'ba bukan sahaja menumpukan minatnya dalam lapangan bahasa dan persuratan Melayu, malah dalam bidang ekonomi dan agama selain mengkaji sikap bangsanya sendiri, iaitu orang-orang Melayu. Tulisannya tentang kemiskinan mental dan cara-cara mengatasi ekonomi orang-orang Melayu telah muncul lama sebelum para sarjana ekonomi mula memberikan perhatian yang besar terhadap permasalahan itu. Sebuah karya yang dihasilkannya yang berjudul "Jalan keselamatan bagi orang-orang Melayu" adalah kertas untuk edaran dalam Konvensyen Pendidikan (KONPEN) VIII di Tanjung Malim pada 1-2 Ogos 1983. Antara pandangan Za'ba tentang kemiskinan orang-orang Melayu termasuklah:

"Bahawasanya keselamatan orang-orang Melayu... hanyalah boleh didapati pada satu jalan sahaja, iaitu diubah kemiskinannya yang pada pihak otak itu – iaitu kemiskinan pengetahuannya – dengan jalan diberi mereka itu pelajaran-pelajaran daripada jenis yang betul. Maka di situlah, dan di situlah sahaja boleh didapati keselamatan ini, tiada pada lainnya."

Hal yang demikian ini bermakna, tumpuannya yang mendalam terhadap soal-soal ba-

hasa tidak pula menyebabkan beliau lupa akan realiti yang terjadi dalam masyarakatnya sendiri. Di sinilah letaknya keistimewaan Za'ba sebagai seorang nasionalis.

Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama ketika hayatnya ada menyebutkan bahawa:

"Za'ba akan sentiasa dikenang sebagai seorang nasionalis ulung dan anak watan yang telah banyak berjasa dan berbakti kepada negara bagi perkembangan bahasa dan persuratan Melayu."

Dalam dunia pendidikan, beliau menjadi seorang pendidik dan dianggap seorang sarjana yang istimewa, setelah dirinya sendiri mencapai kejayaan akademik yang cemerlang. Di samping mendidik, dia menulis, di samping menulis dia menterjemah, belajar kembali menguasai bahasa Arab, bahasa Belanda dan pengetahuan agama. Za'ba telah mengarang dan menerbitkan sejumlah besar risalah (melalui Pejabat Pelajaran) dan buku-buku tentang kesusasteraan terutama tentang tatabahasa, pepatah Melayu, sajak, syair dan cara-cara mengarang surat dan menghasilkan sejumlah besar karya-karya terjemahan daripada bahasa Inggeris dan Arab.

Walaupun bangsa Melayu kehilangan seorang pujangga yang amat dihormati namun jejak langkah Za'ba sentiasa menjadi ikutan sebagai pendorong yang kuat untuk kehidupan yang lebih maju dan untuk mewujudkan satu bangsa yang mempunyai bahasa dan kebudayaan yang unggul. Semoga Allah mencurahkan rahmat ke atas rohnya.

## Bibliografi

- Koleksi Za'ba. 1976. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.  
Mastika, 1962. September: 4-5, 48.  
"Pendeta Za'ba". *Qalam*. 1962. September: 10-13, 21.  
"Tuan Za'ba menjadi pendeta bahasa ke England." *Majalah Guru*. 23(9)Sp 1947: 25-8.